



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**TUGASAN TEKNIKAL**

**F.4-5 EB.6 / F.3-4-5 EB.6 / F.3-4 EB.5 / F.2-3-4 EB.5 / F.1-2-3-4-5 EB.6**

**F.1-2-3-4 EB.5 / F.1-2-3 EB.4**

**JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TUKANG ELEKTRIK LAUT  
TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT I  
MEKANIK TINGKAT II  
TRADESMAN TINGKAT II  
TUKANG KAYU TINGKAT II  
ATENDAN JENTERA TAPISAN AIR TINGKAT II  
KELASI TINGKAT II  
TUKANG PATERI  
OPERATOR RAWATAN  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
F.4-5 EB.6 (\$620 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)  
F.3-4-5 EB.6 (\$550 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)  
F.3-4 EB.5 (\$550 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)  
F.2-3-4 EB.5 (\$495 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)  
F.1-2-3-4-5 EB.6 (\$445 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)  
F.1-2-3-4 EB.5 (\$445 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)  
F.1-2-3 EB.4 (\$445 - \$650 EB KHAS \$660 - \$700 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**\*BAGI JAWATAN YANG TIDAK DINYATAKAN DI ATAS DAN MEMPUNYAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG SEBANDING BOLEH DIPERTIMBANGKAN MASUK KE PROSES PENGISIAN KLUSTER\***

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Tingkatan 1 atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun.



2. Berkemahiran dalam kerja-kerja pengendalian teknikal atau bersesuaian adalah kelebihan yang mana juga tertakluk kepada keperluan tugas dan kehendak Kementerian / Jabatan berkenaan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

##### **SECARA AM:**

1. Membuat pemeriksaan, pembaikan dan pemeliharaan terhadap alat-alat teknikal atau sebagainya.
2. Memesan / mendapatkan alat-alat ganti yang diperlukan.
3. Menyediakan laporan kerosakan teknikal apabila dikehendaki.
4. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

#### **JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**

##### **JAWATAN: TRADESMAN TINGKAT II (F.3-4 EB.5) – 01 KEKOSONGAN**

1. Membuat pemeriksaan, pembaikan dan pemeliharaan kenderaan termasuk juga jentera-jentera lain seperti jentera pertanian serta alat kelengkapan dan sebagainya;
2. Menyediakan jadual *servicing* kenderaan-kenderaan dan memeriksa *log book* kenderaan dan jentera;
3. Memesan / mendapatkan alat-alat ganti kenderaan dan jentera yang diperlukan;
4. Menyediakan laporan kerosakan teknikal kenderaan dan jentera apabila dikehendaki dan juga menyediakan laporan bulanan; dan
5. Membuat senarai alat ganti kenderaan atau jentera untuk apa jua kerosakan.



## **JABATAN DAERAH TEMBURONG**

### **JAWATAN: TUKANG KAYU TINGKAT II (F.3-4 EB.5) - 01 KEKOSONGAN**

1. Membuat kerja-kerja pertukangan kayu seperti membaik pulih peralatan-peralatan kayu, balai-balai raya, tembatan-tembatan, gerai, papan tanda, *platform*, *walkway* dan tugas-tugas lain berkaitan dengan pertukangan kayu;
2. Membantu Tukang Kayu Tingkat I dalam kerja-kerja pertukangan kayu; dan
3. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh pegawai-pegawai atasan.